



**SISTEM ePEROLEHAN  
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**KENYATAAN TAWARAN**

**TARIKH IKLAN : 2 Disember 2013 (Isnin)**

Tender adalah dipelawa kepada Pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** di bawah **Kod Bidang 210101, 210102, 210103, 210104, 210105, 210106, 210107** dan **pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa** untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut :-

<b>BUTIR-BUTIR TAWARAN</b>	<b>JADUAL T/P&amp;P</b>	<b>HARGA DOKUMEN (RM)</b>
Tawaran Tender Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Bagi Perkakasan, Perisian, Dan Peralatan Rangkaian Untuk Sistem Pengurusan Pesakit Dalam (SPPD) Di 11 Buah Hospital Dan Di Pusat Data, Kementerian Kesihatan Malaysia.  <b>No. Tender : X0251010304130150</b>	180/2013	Secara ePerolehan

**Telecenter:**

**Bahagian Perolehan dan Penswastaaan,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 PUTRAJAYA  
No. Telefon : 03-8883 3022**

Dokumen Tender boleh disemak di alamat seperti di atas semasa waktu pejabat mulai **2 Disember 2013 (Isnin)** atau dengan melayari [www.eperolehan.com.my](http://www.eperolehan.com.my).

<b>ISNIN – KHAMIS</b>	-	<b>8.00 PAGI</b>	-	<b>1.00 PETANG</b>
	-	<b>2.00 PETANG</b>	-	<b>4.00 PETANG</b>
<b>JUMAAT</b>	-	<b>8.00 PAGI</b>	-	<b>12.00 TENGAH HARI</b>
	-	<b>2.45 PETANG</b>	-	<b>4.00 PETANG</b>

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Nombor Rujukan yang dijana oleh sistem ePerolehan boleh diperolehi di Kaunter *Telecenter* di alamat dan no. Telefon seperti di atas mulai **2 Disember 2013 (Isnin)** dengan **hanya perlu membawa No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia atau Salinan Sijil Pendaftaran untuk pengesahan pendaftaran.**

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan dan cadangan ini perlu dikemukakan secara manual **pada atau sebelum 23 Disember 2013 (Isnin), jam 12.00 tengah hari.** Semua dokumen sokongan tender (seperti katalog, profil syarikat dan lain-lain) hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertulis No. Rujukan Unik yang dijana oleh sistem ePerolehan. Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender beralamat seperti di atas **pada atau sebelum 23 Disember 2013 (Isnin), jam 12.00 tengah hari.** **Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan.**

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal\* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

\*Yang mana berkenaan

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kesihatan Malaysia.